

29/01/1998

Pemandu sengaja tempah maut: PM (HL)

Kamal Ahmad; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap kebanyakan penunggang motosikal dan pemandu kereta yang memandu secara berbahaya, seolah-olah sengaja menempah maut.

"Saya amat dukacita terutama penunggang motosikal. Apabila saya memandu kereta pun saya nampak penunggang motosikal ditunggang seperti mahu membunuh diri. Kadang-kadang saya tidak kesian langsung dengan mereka, kerana mereka yang cari ini (risiko)," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam kebanyakan kemalangan, ia bukanlah disebabkan oleh keadaan jalan raya atau kenderaan.

"Bukan salah jalan dan bukan salah kenderaan, tapi salah mereka. Mereka nak cari maut. Kita dah larang dan pesan supaya berjaga-jaga tapi mereka macam gila nak bunuh diri," tegasnya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui adakalanya kemalangan mungkin berlaku secara tidak sengaja.

"Kadang-kadang terjadi juga kemalangan tidak sengaja, tapi kebanyakannya sengaja," katanya mengulas peningkatan kemalangan jalan raya termasuk yang mengakibatkan maut dalam tempoh perayaan sekarang.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri perayaan Tahun Baru Cina di Bangunan MCA di sini, pagi ini.

Setakat semalam, selepas seminggu Ops Statik dijalankan, 118 kematian dilaporkan. Ini menunjukkan peningkatan 15 orang berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Menurut polis, kemalangan banyak berlaku di jalan biasa berbanding lebuh raya. Hanya 31 kes kemalangan di lebuh raya berbanding 694 kes di jalan biasa.

Daripada jumlah itu, satu kemalangan mengakibatkan kematian dan enam cedera dilaporkan berlaku di lebuh raya berbanding 22 kematian serta 178 cedera di jalan biasa.

Kejadian itu berlaku mungkin kerana pemandu kurang berhati-hati serta pertambahan jumlah kenderaan yang mendadak di jalan terbabit.

Setakat ini, penunggang motosikal adalah mangsa yang mempunyai jumlah tertinggi terbabit dalam kemalangan.

Selain penunggang motosikal, Perdana Menteri turut menegur sikap pemandu kereta yang gemar memandu terlalu laju dan membahayakan.

(END)